



KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG

Sebut harga adalah dipelawa kepada **Kontraktor Bumiputera** yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam Gred kategori dan Pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran bagi kerja seperti berikut:

BIL	BUTIR – BUTIR TAWARAN DAN NO. RUJUKAN	TARIKH / MASA JUALAN	TARIKH / MASA TUTUP	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN TAWARAN (RM)
1.	Cadangan Kerja-Kerja Membaiki Dan Menyelenggara Pusat Eko Pelancongan Paya Bakau Bandar Lumut Untuk Majlis Perbandaran Manjung MPM JKJ/SH/BGN NO. 8/2021	28.04.2021 - 06.05.2021 (waktu operasi)	07.05.2021 (12.00 tengahari)	Gred G2 <i>Kategori CE</i> <i>Pengkhususan</i> <i>CE21</i>	30.00

- i. Naskah Meja Tawaran boleh disemak di Kaunter Perkhidmatan Pelanggan, Pejabat Majlis Perbandaran Manjung pada waktu pejabat bermula **28.04.2021 (Rabu)**. Bayaran dokumen tawaran hendaklah dibuat secara tunai (bayaran tidak akan dikembalikan) di Kaunter Bayaran Majlis Perbandaran Manjung. Kontraktor / Pembekal hendaklah Membawa Sijil Asal Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Dengan Kementerian Kewangan Malaysia, Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) Serta Sijil Taraf Bumiputera Dan Satu Salinan Bagi Setiap Sijil Tersebut Semasa Membeli Dokumen Sebut Harga.

HARI	WAKTU OPERASI KAUNTER PERKHIDMATAN PELANGGAN, MPM	
ISNIN-KHAMIS	08.15 pagi – 12.45 petang	02.15 petang – 03.45 petang
JUMAAT	08.15 pagi – 12.00 tengahari	02.45 petang – 03.45 petang

- ii. Sebelum pembelian Dokumen Sebut Harga dilakukan, kontraktor yang belum mendaftar gred G1 dengan Majlis Perbandaran Manjung dikehendaki mendaftar terlebih dahulu di Kaunter Jabatan Kejuruteraan dan Penyelenggaraan, Majlis Perbandaran Manjung tertakluk kepada tempoh piagam. Kontraktor boleh muat turun Borang Pendaftaran Kontraktor Gred G1 Dengan Majlis Perbandaran Manjung di laman sesawang www.mpm.gov.my secara percuma.

- iii. Kontraktor Gred G2 / G1 dikehendaki membuat pendaftaran lebih awal di Kaunter Perkhidmatan Pelanggan, Majlis Perbandaran Manjung atau pendaftaran boleh dibuat melalui <https://forms.gle/AwykNmZppvnCgPxq6> atau scan QR code ini.



- iv. Kontraktor dinasihatkan untuk membuat pendaftaran lebih awal iaitu sebelum Tarikh Mula Penjualan Dokumen Sebut Harga bagi mengelakkan kelewatan pembelian Dokumen Sebut Harga yang mana dikhuatiri akan menyebabkan kelewatan penghantaran Dokumen Sebut Harga.
- v. Dokumen Tawaran Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan kedalam sampul surat bermeteri dan ditulis nombor rujukan sebut harga seterusnya dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Kaunter Perkhidmatan Pelanggan, Majlis Perbandaran Manjung sebelum atau pada jam **12.00 tengahari pada 07.05.2021 (Jumaat)**.
- vi. Majlis Perbandaran Manjung tidak terikat untuk menerima tawaran terendah, tertinggi, atau mana-mana tawaran.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.


YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG